

- 1 Berikut merupakan sebahagian daripada sebuah Kitaran Perakaunan.



- Apakah proses yang betul bagi X?
- A Lejar
B Jurnal
C Dokumen sumber
D Penyata Kewangan
- 2 Manakah merupakan item yang **betul** dalam Akaun Perdagangan dan Untung Rugi?
- A Jualan, Angkutan keluar dan Bank
B Jualan, Belian dan Inventori Alat tulis
C Belian, Duti atas belian dan Diskaun diterima
D Belian, Angkutan masuk dan Akaun Belum Terima
- 3 Maklumat di bawah merupakan ciri-ciri sebuah entiti perniagaan.

- Keuntungan diagihkan dalam bentuk dividen.
- Diuruskan oleh Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik dalam Mesyuarat Agung Tahunan.
- Modal dikumpulkan daripada pemegang saham melalui terbitan saham dan langganan saham.
- Bilangan ahli 2 – tiada had

- Berdasarkan maklumat di atas, perniagaan yang manakah menepati ciri-ciri tersebut?
- A Butik Pengantin Iman
B Koperasi SMK Pinji Berhad
C Syarikat Sifoo Dotcom Berhad
D Klinik Azman dan Rakan-rakan
- 4 Urus niaga berikut diambil daripada buku Perniagaan Ayu.

Membuat ambilan barang niaga bernilai RM200 untuk didermakan ke Rumah Kebajikan Harapan.

Apakah kesan urus niaga di atas terhadap persamaan perakaunan?

	Aset (RM)	Liabiliti (RM)	Ekuiti pemilik (RM)
A	200	Tiada kesan	200
B	(200)	Tiada kesan	(200)
C	200	200	Tiada kesan
D	(200)	(200)	Tiada kesan

- 5 Apakah tujuan utama diskaun niaga diberikan kepada pelanggan?
- A Menggalakkan pembelian barang secara pukal.
B Membantu pembayaran invois pada kadar segera.
C Mendorong pelanggan membuat pembelian secara tunai.
D Memastikan pelanggan membayar hutang dalam masa ditetapkan.
- 6 Maklumat berikut diperolehi daripada jurnal Perniagaan ROF

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2022 Mac 1	Kenderaan Modal (Membawa masuk kenderaan untuk kegunaan perniagaan)	RM 60 000	RM 60 000

Apakah jenis urus niaga yang direkodkan dalam Jurnal Am di atas?

- A Catatan pelarasan
B Catatan penutupan
C Catatan pembukaan
D Catatan modal tambahan

7 Maklumat berikut adalah urus niaga Butik Pengantin Nuraina.

- I Membeli alatan pejabat secara kredit.
- II Menghantar nota debit kepada pelanggan.
- III Pelanggan memulangkan barang niaga yang rosak.
- IV Pemilik mengambil barang niaga untuk dihadiahkan kepada anaknya.

Urus niaga yang manakah direkodkan dalam Jurnal Khas?

- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 8 Antara berikut, butiran manakah yang perlu dicatat dalam Buku Tunai Runcit?
- A Membeli barang niaga secara tunai
 - B Membayar pos laju dan surat berdaftar
 - C Membayar Pembekal Aidid dengan cek
 - D Membeli perabot untuk kegunaan pejabat
- 9 Cara merekod dalam lejar yang manakah yang betul?
- A Debit apabila aset berkurang
 - B Kredit apabila hasil berkurang
 - C Debit apabila modal bertambah
 - D Kredit apabila liabiliti bertambah
- 10 Petikan Buku Tunai berikut diperoleh daripada Perniagaan Afif.

Buku Tunai									
Tarikh	Perkara	Fol	Tunai	Bank	Tarikh	Perkara	Fol	Tunai	Bank
2022			RM	RM	2022			RM	RM
Jan 1	Modal			30 000	Jan 7	Tunai	K		800
3	Jualan		3 200		5	Belian		2 600	
7	Bank	K	800		30	Sewa			900
28	Syarfina			4 300	31	Baki h/b		?	?
			4 000	34 300				4 000	34 300

Berapakah nilai baki akhir bank bagi bulan Januari 2022?

- A RM1 400
 - B RM4 000
 - C RM32 600
 - D RM34 300
- 11 Berikut adalah Akaun Kawalan Belum Terima yang diperoleh daripada Syarikat Hazyzy.

Akaun Kawalan Belum Terima							
2022			RM	2022			RM
Jul. 31	Jualan		23 400	Jul. 1	Baki b/b	250	
	Y		350	31	Bank	16 500	
					Kontra	300	
					Baki b/b	6 700	
			<u>23 750</u>			<u>23 750</u>	
Ogos 1	Baki b/b		6 700				

Apakah X?

- A Faedah
- B Hutang lapuk
- C Pulangan Jualan
- D Peruntukan hutang ragu

12 Maklumat berikut diperolehi daripada sebahagian akaun sesebuah perniagaan.

Akaun Kenderaan					
Sept. 1	Baki b/b	10 000	Sept. 30	Baki h/b	10 000
		<u>10 000</u>			<u>10 000</u>
Akaun Komisen					
Sept. 30	Baki h/b	1 000	Sept. 1	Baki b/b	800
		<u>1 000</u>	25	Tunai	200
					<u>1 000</u>
Akaun Gaji					
Sept. 1	Baki b/b	2 300	Sept. 30	Baki h/b	5 000
29	Bank	2 700			
		<u>5 000</u>			<u>5 000</u>

Manakah rekod yang tepat di Imbangan duga?

A

Imbangan Duga pada 30 September 2022 (Petikan)

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Kenderaan	10 000	
Komisen	1 000	
Gaji		5 000

B

Imbangan Duga pada 30 September 2022 (Petikan)

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Kenderaan	10 000	
Komisen		1 000
Gaji	5 000	

C

Imbangan Duga pada 30 September 2022 (Petikan)

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Kenderaan	10 000	
Komisen		200
Gaji	2 700	

D

Imbangan Duga pada 30 September 2022 (Petikan)

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Kenderaan	10 000	
Komisen	200	
Gaji		2 700

13 Antara berikut, manakah yang digunakan dalam membuat penilaian inventori bagi sesebuah perniagaan?

- I Sistem inventori purata
- II Sistem inventori berkala
- III Sistem inventori wajaran
- IV Sistem inventori berterusan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 14 Berikut merupakan petikan Akaun Perdagangan yang diambil daripada Kedai Elektrik Elegan.

Kedai Elektrik Elegan				
Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Ogos 2022				
	RM	RM		RM
Inventori Awal		7 200	Jualan	21 930
Belian	15 330		Tolak: Q	(250)
Tambah: P	<u>280</u>		Jualan bersih	<u>21 680</u>
		15 610		
Kos barang untuk dijual		<u>22810</u>		

Apakah P dan Q?

	P	Q
A	Pulangan belian	Diskaun diterima
B	Angkutan masuk	Pulangan masuk
C	Insurans atas belian	Pulangan keluar
D	Insurans	Gaji

- 15 Berikut merupakan satu urusan niaga yang berlaku dalam Perniagaan Hilmy pada 30 April 2022.

Menerima sewa daripada Perniagaan Unic secara tunai sebanyak RM1 000

Apakah catatan bagi merekodkan urusan niaga tersebut ke dalam lejar?

A					
Akaun Sewa					
April 30	Tunai	1 000	April 30	Untung Rugi	1 000
		<u>1 000</u>			<u>1 000</u>
B					
Akaun Sewa					
April 30	Untung Rugi	1 000	April 30	Perniagaan Unic	1 000
		<u>1 000</u>			<u>1 000</u>
C					
Akaun Sewa					
April 30	Untung Rugi	1 000	April 30	Tunai	1 000
		<u>1 000</u>			<u>1 000</u>
D					
Akaun Sewa					
April 30	Perniagaan Unic	1 000	April 30	Untung Rugi	1 000
		<u>1 000</u>			<u>1 000</u>

- 16 Maklumat berikut diperoleh daripada perniagaan Fimmy Leon bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.

Sewa tahunan	RM3 600
Tarikh mula sewa	1 April 2021

Berapakah jumlah sewa yang perlu direkodkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

- A Sewa prabayar RM900
 B Sewa prabayar RM2 700
 C Sewa belum bayar RM900
 D Sewa belum bayar RM2 700

17 Maklumat berikut diperoleh daripada perniagaan Badrul pada 30 Jun 2022.

Kenderaan (kos)	RM40 000
Susut nilai terkumpul kenderaan	RM8 000

Kenderaan tersebut dijual pada harga RM31 600 pada 30 Jun 2022.

Manakah catatan yang tepat bagi merekodkan Akaun Pelupusan Kenderaan tersebut?

A

Akaun Pelupusan Kenderaan

Tarikh	Butir	RM	Tarikh	Butir	RM
Jun 30	Bank	31 600	Jun 30	Kenderaan	40 000
	Susut Nilai Terkumpul	8 000			
	Rugi atas pelupusan	400			
		40 000			40 000

B

Akaun Pelupusan Kenderaan

Tarikh	Butir	RM	Tarikh	Butir	RM
Jun 30	Bank	31 600	Jun 30	Kenderaan	40 000
	Susut Nilai Terkumpul	8 000			
	Untung atas pelupusan	400			
		40 000			40 000

C

Akaun Pelupusan Kenderaan

Tarikh	Butir	RM	Tarikh	Butir	RM
Jun 30	Kenderaan	40 000	Jun 30	Susut Nilai Terkumpul	8 000
				Bank	31 600
				Rugi atas pelupusan	400
		40 000			40 000

D

Akaun Pelupusan Kenderaan

Tarikh	Butir	RM	Tarikh	Butir	RM
Jun 30	Kenderaan	40 000	Jun 30	Susut Nilai Terkumpul	8 000
				Bank	31 600
				Untung atas pelupusan	400
		40 000			40 000

18 Berikut merupakan maklumat yang diperoleh daripada Perniagaan Perabot Vincent pada 31 Julai 2022.

	RM
Akaun Belum Terima	8 500
Peruntukan hutang ragu	425

Maklumat tambahan:

- Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 3% atas baki Akaun belum terima bersih.
- Seorang pelanggan diisytiharkan muflis dan hutangnya RM200 dijadikan hutang lapuk.

Manakah antara berikut menunjukkan catatan yang tepat dalam Penyata Kedudukan Kewangan?

A Perabot Vincent
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2022 (petikan)

	RM
Akaun Belum Terima	8 300
(-) Peruntukan Hutang Ragu	425
	<u>8 051</u>

B Perabot Vincent
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2022 (petikan)

	RM
Akaun Belum Terima	8 300
(-) Peruntukan Hutang Ragu	601
	<u>7 875</u>

C Perabot Vincent
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2022 (petikan)

	RM
Akaun Belum Terima	8 300
(-) Peruntukan Hutang Ragu	176
	<u>7 865</u>

D Perabot Vincent
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2022 (petikan)

	RM
Akaun Belum Terima	8 300
(-) Peruntukan Hutang Ragu	249
	<u>8 051</u>

19 Maklumat berikut berkaitan dengan pembetulan kesilapan.

Pemilik terlupa merekodkan sejumlah RM600 yang telah diambil untuk kegunaan sendiri.

Apakah pembetulan kesilapan yang berkaitan dengan maklumat berikut?

- Kesilapan prinsip
- Kesilapan komisen
- Kesilapan songsang
- Kesilapan ketinggalan

20 Berikut merupakan maklumat yang diperoleh daripada Perniagaan Qallam sebelum penyediaan Imbangan Duga.

	RM
Modal	21 000
Overdraf bank	4 000
Akaun Belum Terima	5 300
Akaun Belum Bayar	5 300
Kenderaan	22 150
Jualan	24 000
Belian	16 000
Gaji	10 850

Maklumat tambahan:

- i. Pemilik membawa masukengkapan untuk kegunaan sendiri bernilai RM1 000 tetapi perkara ini belum direkodkan.

Berapakah jumlah imbangan duga pada tarikh tersebut?

- A RM54 300
 B RM55 000
 C RM55 300
 D RM63 600

21 Pilih pernyataan yang benar tentang tempoh kutipan hutang.

- I Merupakan salah satu Nisbah Kecairan
 II Melibatkan Akaun Belum Terima dan Belian kredit
 III Mengukur kecekapan perniagaan membuat kutipan hutang daripada pelanggan
 IV Merupakan purata jangka masa yang diambil oleh pelanggan untuk membayar hutangnya

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

22 Maklumat berikut diperoleh daripada penyata kewangan Restoran Chef Wan Hanafi yang beroperasi di Chemor, Perak.

	RM
Untung Kasar	30 500
Faedah Overdraf	250
Komisen Diterima	2 400

Berapakah Modal Awal jika Pulangan Atas Modal ialah 25% ?

- A RM103 600
 B RM130 600
 C RM136 600
 D RM163 600

- 23 Maklumat berikut diambil daripada buku Perniagaan Asyraf seorang peruncit .

	RM
Modal 1 April 2021	49 400
Modal 31 Mac 2022	61 700

Maklumat tambahan:

- i. Pemilik telah mengambil barang niaga RM50 sebulan
- ii. Komputer peribadi bernilai RM2 500 telah dibawa masuk untuk kegunaan perniagaan

Berapakah untung atau rugi perniagaan bagi tahun berakhir 31 Mac 2022?

- A RM10 400
- B RM11 340
- C RM12 400
- D RM13 340

- 24 Maklumat berikut diperolehi daripada Kedai Roti Dan Kek Siti Khadijah.

	RM
Modal 1 Jun 2021	55 000
Modal 31 Mei 2022	70 500
Ambilan	4 500

Pemilik perniagaan telah membeli sebuah mesin uli tepung berharga RM2 650 menggunakan wang peribadi. Mesin itu kemudian dimasukkan ke dalam kedai untuk kegunaan perniagaan.

Berapakah untung bersih bagi tahun berakhir 31 Mei 2022?

- A RM15 350
- B RM16 350
- C RM17 350
- D RM18 350

- 25 Antara berikut, manakah merupakan tujuan penyediaan Penyata Penyesuaian Bank?

- I Mengetahui baki wang pada setiap akhir bulan
- II Mengenal pasti ketepatan catatan di Buku Tunai
- III Menyelaraskan baki Akaun Bank di Buku Tunai dengan baki di Penyata Bank
- IV Mengetahui jumlah penerimaan yang diterima oleh bank bagi pihak perniagaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 26 Maklumat berikut diperolehi daripada Kedai Runcit Ganthan.

	RM
Cek Belum Dikemukakan	1 200
Deposit Belum Dikreditkan	300

Pada 31 Januari 2022, baki Buku Tunai kedai tersebut menunjukkan baki debit RM3 500.

Berapakah baki akhir Penyata Bank bagi bulan Januari 2022?

- A Baki debit RM2 600
- B Baki debit RM4 400
- C Baki kredit RM2 600
- D Baki kredit RM4 400

- 27 Petikan dialog berikut berlaku di antara Cikgu Siti dengan murid-muridnya.

Cikgu Siti	:	Kandungan Seksyen 26 Akta Perkongsian 1961 merupakan panduan asas pengurusan sesebuah perniagaan perkongsian. Siapa boleh berikan kandungan akta tersebut?
Jun Jie	:	Untung atau rugi dibahagi mengikut nisbah 3 : 2 : 1 antara pekongsi.
Kalai	:	Faedah dibayar atas modal pekongsi.
David	:	Faedah 8% setahun dibayar atas pinjaman pekongsi.
Nazrin	:	Pekongsi yang menguruskan perkongsian dibayar gaji.

Berdasarkan pertanyaan Cikgu Siti, siapakah yang menjawab dengan **betul**?

- A Kalai
 B David
 C Jun Jie
 D Nazrin
- 28 Berikut adalah maklumat pekongsi En. Chang dalam perkongsian Lee Dan Chang pada 31 Oktober 2022.

	En. Chang
	RM
Kongsi Untung	7 500
Ambilan	800
Faedah Atas Modal	1 500

En. Chang juga menguruskan perniagaan dan dibayar gaji sebanyak RM2 500 sebulan. Sehingga 31 Oktober 2022, En. Chang telah menerima gaji sebanyak RM25 000. Tempoh perakaunan adalah selama setahun. Berapakah baki akhir Akaun Semasa En. Chang?

- A RM5 200
 B RM8 200
 C RM13 200
 D RM14 000
- 29 Pembubaran perkongsian bermaksud ikatan perkongsian ditamatkan. Apakah organisasi yang membatalkan nama perkongsian apabila berlaku pembubaran?.
- A Suruhanjaya Syarikat Malaysia
 B Suruhanjaya Koperasi Malaysia
 C Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
 D Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia
- 30 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan perkongsian Butik Flora Dan Rakan-Rakan.

	RM
Alatan Pejabat	20 000
Kenderaan	50 000
Akaun Belum Bayar	30 000

Seorang pekongsi telah meninggal dunia. Semua pekongsi bersetuju untuk membubarkan perniagaan. Semasa pembubaran semua aset dijual pada harga RM65 000 dan belanja realisasi ialah RM950.

Berapakah rugi realisasi?

- A RM5 000
 B RM5 950
 C RM6 750
 D RM7 750

- 31 Syarikat Utama Berhad, pembekal produk elektronik telah menerbitkan 800 000 unit 9% Syer Keutamaan pada harga RM4.00 sesyer dan 2 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM2.00 sesyer. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh.

Berapakah modal diterbitkan dan berbayar penuh?

- A RM4 072 000
 B RM4 288 000
 C RM5 600 000
 D RM7 200 000

- 32 Maklumat berikut diambil daripada Syarikat Juara Berhad.

- Modal diterbitkan dan berbayar penuh ialah 1 000 000 unit Syer Biasa bernilai RM2.00 sesyer dan 250 000 unit 6% Syer Keutamaan bernilai RM3.00 sesyer.

Jadual di bawah menunjukkan keuntungan syarikat dari tahun 2018 hingga 2021.

Tahun	Keuntungan/(Kerugian) RM
2018	100 000
2019	90 000
2020	(30 000)
2021	150 000

Berapakah jumlah dividen Syer Keutamaan bagi tahun 2021?

- A RM45 000
 B RM75 000
 C RM105 000
 D RM125 000

- 33 *P* dicatatkan di sebelah debit Akaun Penerimaan dan Pembayaran.

Apakah *P*?

- A Insurans
 B Promosi
 C Yuran ahli
 D Faedah simpanan belum terima

- 34 Akaun yuran berikut diambil daripada Kelab Belia Taman Anda bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.

Akaun Yuran						
2021			RM	2021		RM
Jan. 1	Yuran belum terima		200	Dis. 31	Bank	3 100
Dis. 31	Pendapatan	dan			X	400
	Perbelanjaan		2 500			
			<u>2 700</u>			<u>2 700</u>

Apakah *X*?

- A Yuran ahli yang belum dijelaskan untuk tahun 2020
 B Yuran ahli yang belum dijelaskan untuk tahun 2021
 C Yuran ahli yang telah dijelaskan untuk tahun 2021
 D Yuran ahli yang telah dijelaskan untuk tahun 2022

- 35 Maklumat berikut diperoleh daripada bendahari Kelab Badminton Taman Ria.

	RM
Inventori kedai minuman pada 1 Julai 2021	5 520
Inventori kedai minuman pada 30 Jun 2022	9 020
Jualan	20 430
Belian	13 790

Berapakah untung kedai minuman?

- A RM1 120
 B RM3 140
 C RM6 640
 D RM10 140
- 36 Maklumat berikut diperoleh daripada Kelab Wanita Taman Makmur.

Kelab Wanita Taman Makmur
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Ogos 2022
(Petikan)

<u>Ekuiti Pemilik</u>	RM
Dana terkumpul awal	20 660
S	4 360
Dana terkumpul akhir	<u>16 300</u>

Apakah **S**?

- A Lebihan
 B Kurangan
 C Rugi bersih
 D Untung bersih
- 37 Maklumat berikut diambil daripada buku rekod milik Kilang Biskut Manis.

	RM
Kadar bayaran kilang	1 200
Upah tak langsung	400
Susut nilai mesin kilang	1 100
Sewa kilang	2 000
T	<u>4 700</u>

Apakah **T**?

- A Kos prima
 B Kos overhead
 C Kos pengeluaran
 D Kos bahan langsung

- 38 Maklumat yang berikut diperolehi daripada buku Kilang Tango.

	RM
Kos bahan langsung	24 800
Kos buruh langsung	76 400
Kos overhead	89 200
Royalti kilang	4 000
Kerja dalam proses awal	7 800
Kerja dalam proses akhir	12 400


Berapakah kos pengeluaran bagi kilang tersebut?

- A RM185 800
 B RM189 800
 C RM194 400
 D RM199 000
- 39 Firma Basha menjual sos tiram dengan harga RM6.00 sebotol. Maklumat berikut berkaitan dengan kos pengeluaran sos tiram tersebut.

	RM
Kos tetap	20 000
Kos berubah sebotol	3.50

Berapakah unit pengeluaran yang perlu dikeluarkan oleh Firma Basha untuk bagi mencapai untung sasaran RM16 000.

- A 6 000 unit
 B 12 000 unit
 C 14 400 unit
 D 64 000 unit
- 40 Graf Titik Pulang Modal berikut diperolehi daripada sebuah kilang yang mengeluarkan ais krim.



Jika anda sebagai pengurus di kilang tersebut, tahap pengeluaran manakah yang anda harus pilih untuk mendapatkan keuntungan?

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT